

UMS ke arah universiti bertaraf lima bintang

UM 6.6.2013 26

KOTA KINABALU 5 Jun - Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus berada di landasan terbaik ke arah universiti bertaraf lima bintang apabila berjaya meraih 26 anugerah dalam dua pameran penyelidikan dan inovasi pada tahun ini.

Anugerah itu meliputi sembilan anugerah emas, lapan perak dan sembilan gangsa termasuk satu anugerah khas bagi pencipta wanita tahunan dalam Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) dan Pameran Antarabangsa Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (ITEX) baru-baru ini.

Naib Canselor UMS, **Prof. Dr. Mohd. Haron Abdullah** berkata, kejayaan tersebut telah mengharumkan dan melonjakkan lagi nama UMS sebagai sebuah universiti terkemuka di negara ini.

"Kejayaan ini selaras dengan pe-

lan strategik 2013-2017 universiti yang menggariskan tujuh perkara utama termasuk penjurusan dalam penyelidikan dan inovasi.

"Melaluinya salah satu sasaran ialah peningkatan 50 peratus bilangan anugerah yang diterima sepanjang pameran dan pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya ketika berucap dalam majlis makan tengah hari bagi menghargai para pemenangnya di sini semalam.

Mohd. Haron berkata, penganugerahan itu menjadi elemen penting dalam Penilaian Penyelidikan Malaysia yang menjadi keutamaan setiap universiti di negara ini dalam mencapai penarafan lima bintang oleh Kementerian Pendidikan.

"Ini bukan sahaja dinilai dari segi anugerah tetapi kejayaan dalam

mengkomersialkan produk tersebut.

"Sehubungan itu, kita juga mendapat lebih 20 geran inovasi untuk tujuan projek penyelidikan dan inovasi," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Sekolah Pengajian Seni, **Jinky Jane Simeon** yang memenangi emas dan anugerah khas bagi produk U9 Xlophone pada MTE berkata, beliau mengambil masa selama dua tahun menyiapkan penyelidikan berkaitan alat muzik jenis Xlophone.

"Pengubahsuaiannya yang mampu memberikan bunyi soprano, alto dan bass itu lebih bertujuan menarik minat dan pemahaman khususnya kepada kanak-kanak di bawah umur sembilan tahun bagi mendalami dunia muzik tradisional," ujarnya.



DR. Mohd. Haron Abdullah (kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada Jinky Jane Simeon (kiri) dalam majlis makan tengah hari bagi menghargai penerima anugerah dari UMS di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.